

Kerajaan perkenal BMTKM tingkatkan pendapatan rakyat

144,932 isi rumah jadi miskin tegar

DEWAN RAKYAT



Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Bilangan ketua isi rumah miskin tegar meningkat daripada 44,829 pada tahun 2020 kepada 144,932 setakat 30 Jun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, bilangan tersebut adalah berdasarkan data kemiskinan nasional e-Kasih.

“Ta susulan daripada penggunaan metodologi baharu serta impak pandemik Covid-19,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd. Fasih Mohd. Fakeh (**Bersatu-Sabak Bernam**) mengenai bilangan terkini rakyat yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Mustapa berkata, salah satu



KERAJAAN menubuhkan unit basmi kemiskinan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat. – GAMBAR HIASAN

sasaran dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) adalah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia

(BMTKM).

Menurut beliau, program itu adalah pelengkap kepada program sedia ada bagi menangani

isu miskin tegar merentasi semua etnik di Malaysia.

Jelas beliau, program basmi miskin tegar bukan sesuatu yang

baru sebaliknya sudah bermula sejak zaman kemerdekaan dan dipergiat dalam tahun 70-an melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB)

Bagaimanapun kata beliau, dalam BMTKM, kaedah dan pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar adalah lebih holistik.

“Unit basmi kemiskinan ditubuhkan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Menggunakan pendekatan keseluruhan negara berdasarkan masalah setempat.

“Penglibatan pelbagai pihak merangkumi universiti dan industri. Memperkenalkan dasar pemisah selepas tempoh dua hingga tiga tahun pelaksanaan,” katanya.

Tambah beliau, BMTKM akan dilaksanakan di 1,000 lokaliti dalam tempoh tiga tahun enam bulan dan fasa pertama di 80 lokaliti telah pun bermula.

Menurut beliau, program bagi meningkatkan pendapatan itu merangkumi pertanian, penterakan, keusahawanan, pemasaran serta pembangunan minda dan motivasi.

“Anggaran pendapatan tambahan adalah kira-kira RM300 sehingga RM1,000 sebulan,” katanya.